

# 'Pink Oktober' UCSI terap kesedaran kesihatan

Oleh Khairunnisa Kamarudin  
khairunnisa@bharian.com.my

Siring dengan bulan kesedaran kanser payudara sedunia, pelajar jurusan kejururawatan Universiti UCSI mengambil inisiatif menganjurkan aktiviti 'Pink Oktober' bagi meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan dan bahaya penyakit itu.

Sepanjang kempen berkenaan, pelajar dan juga sukarelawan berjaya mengumpul dana RM5,500 yang akan disumbangkan kepada Hospis Malaysia, selain turut mendermakan lebih 120 pin darah.

Timbalan Dekan Sekolah Kejururawatan UCSI, Prof Madya Jeya Devi Coomarasamy, berkata pihaknya

memilih untuk menderma kepada Hospis Malaysia kerana organisasi bukan kerajaan berkonsepkan kebajikan itu memerlukan bantuan kewangan.

"Misi kami mengajar pelajar kejururawatan agar menjadi lebih penyayang dan bertanggungjawab.

"Kami mahu membina keyakinan diri dalam kalaangan pelajar ketika mereka bertemu orang ramai selain mengajar orang ramai mengenai kepentingan menjaga kesihatan," katanya.

Kebanyakan pelajar yang menyertai aktiviti itu gembira kerana berpeluang membabitkan diri dalam program berkenaan.

Pelajar tahun pertama, Jin Sun Cho, berkata sebagai bakal jururawat menjadi keutamaan bagi mereka membantu pesakit.

"Sekiranya kami tidak mempunyai motivasi dan didedahkan dalam program seperti ini, saya rasa kami



NAIB CANSELOR Universiti UCSI, Dr Robert Bong (dua dari kiri) menyerahkan cenderahati kepada Pengarah Perpaduan Daerah Cheras, Mohamad Yunus sambil disaksikan Jeya Devi (kiri).

tidak akan dapat menjadi jururawat yang baik

"Penyakit kanser payudara

adalah antara pembunuhan utama wanita, dan semua golongan masyarakat perlu

peka mengenainya selain mengambil langkah pencegahan," katanya.



PELAJAR Jurusan Kejururawatan Universiti UCSI memeriksa pesakit.